

## **BAB V**

### **PENUTUP**

Dalam bab-bab dua, tiga dan empat dahulu telah dipaparkan peranan yang dimainkan oleh JAKIM dalam bidang penerbitan media cetak, termasuk masalah-masalah yang dihadapi serta cadangan-cadangan ke arah peningkatannya. Sebagai penutup kajian ini, maka dalam bab lima ini akan disimpulkan pernyataan-pernyataan dan penemuan-penemuan penting berhubung kajian ini dan akan dikemukakan saranan-saranan bagi memajukan lagi kegiatan yang dijalankan itu.

#### **5.1. Kesimpulan**

Daripada kajian mengenai peranan media cetak dalam dakwah, khususnya terhadap peranan yang dimainkan oleh JAKIM ini, kesimpulan-kesimpulan yang boleh dibuat adalah seperti berikut:

- (1) Objektif penubuhan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ialah untuk memastikan kesucian agama Islam terpelihara dan membentuk kesejahteraan ummah berasaskan Islam melalui perancangan dan pelaksanaan yang berkesan. Objektif ini merupakan pernyataan matlamat dakwah, justeru itu JAKIM menceburkan diri dalam bidang penerbitan media cetak sebagai salah satu aktiviti yang dijalankan bagi mencapai objektif tersebut. Urusan ini dikendalikan oleh satu bahagian khusus, iaitu Bahagian Penerbitan yang mempunyai kapasiti tersendiri dari segi sumber dan keupayaan.

- (2) Dakwah melalui media cetak yang diusahakan oleh JAKIM mempunyai objektifnya tersendiri, iaitu untuk membangunkan pemikiran ummah dan menyebarkan dakwah Islam melalui pengkayaan bahan-bahan bacaan berunsur Islam dalam pelbagai bidang. Untuk memastikan matlamat ini tercapai maka JAKIM telah menerbitkan beberapa jenis media cetak yang terdiri daripada buku, jurnal, majalah, buletin, risalah dan terbitan rampaian seperti tabloid, kalendar, poster dan stiker. Berasaskan kepada objektif ini, JAKIM telah menentukan bahawa dasar penerbitannya ialah dakwah, walaupun terdapat jenis-jenis media cetaknya seperti buku dan jurnal dijual kepada orang ramai. Penentuan harga yang rendah dan pengeluaran terbitan percuma adalah antara bukti yang dapat menunjukkan kenyataan ini.
- (3) Selaku penerbit media cetak dakwah, JAKIM menumpukan keutamaan kepada terbitan yang menjadi dasar ajaran Islam untuk diketengahkan kepada masyarakat. Sebagai contoh, penampilan sebuah kitab tafsir iaitu *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an* adalah satunya hasil usaha ulung dilakukan oleh JAKIM dan menjadi rujukan utama umat Islam di negara ini dalam segenap lapisan. Bagi kerajaan, ia menjadi rujukan rasmi termasuk kegunaan dalam perkhidmatan awam dan bidang pendidikan. Begitu juga dengan kitab-kitab hadith seperti *Mastika Hadith Rasulullah (s.a.w.)*, *Terjemahan Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Terjemahan Riyāḍ al-Sālihiṇ*, dan *Bulūgh al-Marām* adalah antara kitab-kitab yang digunakan dalam kelas-kelas pengajian program takmir masjid dan surau di negara ini. Penghasilan terbitan-terbitan teras ini dibuat dengan teliti oleh penulis, penyusun atau penterjemah yang berkemahiran di samping rujukan yang dibuat adalah daripada kitab-kitab yang muktabar. Penghasilan ini

memperlihatkan JAKIM mempunyai komitmen dan keupayaan menerbitkan terbitan yang berkualiti dan berautoriti untuk keperluan umat Islam, khususnya dalam aspek-aspek yang menjadi dasar ajaran Islam.

- (4) Selaras dengan hasrat untuk memperkayakan bahan bacaan Islam, JAKIM mempelbagaikan bidang terbitannya. Bagi kategori buku jualan, buku-buku yang diterbitkan adalah dalam bidang-bidang al-Qur'an dan tafsir (7.9 peratus), al-sunnah/hadith (14.5 peratus), akidah (7.9 peratus), syariah dan undang-undang (10.9 peratus), tasawuf dan akhlak (7.9 peratus), pendidikan (5.0 peratus), kemasyarakatan (2.9 peratus), ekonomi (2.2 peratus), politik (2.2 peratus), falak dan astronomi (2.2 peratus), pengurusan (1.5 peratus), sejarah (1.5 peratus), kesihatan (0.7 peratus), sains (0.7 peratus), kejuruteraan (0.7 peratus), biografi (0.7 peratus) dan sastera (30.4 peratus). Bagi kategori buku percuma pula, buku-buku yang diterbitkan meliputi bidang-bidang akidah (9.8 peratus), dakwah (41.5 peratus), khutbah Jumaat (34.1 peratus), akhlak-nilai/etika (4.9 peratus), soal jawab agama (7.3 peratus) dan politik (2.4 peratus).

Selain kepelbagaian bidang dalam penerbitan buku, JAKIM turut menerbitkan beberapa jenis terbitan berkala iaitu tiga judul jurnal, empat judul majalah dan dua judul buletin. Judul-judul jurnal yang diterbitkan ialah *Jurnal Hukum*, *Jurnal Penyelidikan Islam* dan *Jurnal Darul Quran*. Judul-judul majalah pula ialah *Sinaran Islam*, *Ruhaniyyat*, *Cahaya* dan *Pendidik*. Buletin yang diterbitkan ialah *Uswah* dan *Takmir*. Terbitan-terbitan berkala ini juga memberi sumbangan yang bermakna dalam konteks dakwah Islam kerana selain memaparkan kupasan-kupasan sesuatu perkara

mengenai Islam secara ilmiah atau mudah, ia juga memaparkan isu-isu semasa yang boleh meningkatkan pengetahuan pembaca.

Selain penerbitan buku dan terbitan berkala, perkara yang menjadi komitmen JAKIM ialah menerbitkan terbitan-terbitan kecil yang terdiri daripada risalah, sama ada dalam bentuk buku kecil atau pamflet, serta terbitan rampaian seperti tabloid, poster, stiker dan kalendar. Bagi penerbitan risalah, terdapat dua jenis yang diterbitkan, iaitu risalah bersiri dan risalah tidak bersiri. Risalah bersiri terdiri daripada siri-siri al-Syariah (2.5 peratus), al-Yakin (24.2 peratus), al-Risalah (29.3 peratus), Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam (1.9 peratus) dan Islam Itu Mudah (3.5 peratus). Bagi terbitan tidak bersiri pula terdiri daripada buku kecil (27.4 peratus) dan pamflet (11.3 peratus).

Penampilan kepelbagaiannya jenis dan bidang terbitan yang diusahakan oleh JAKIM ini adalah bertujuan untuk mengembangkan ilmu dan ajaran Islam yang suci kepada seluruh masyarakat. Dengan itu ia memberi sumbangan ke arah mewujudkan umat Islam yang berilmu dan bertakwa serta memberi sumbangan yang bermakna dalam mencapai cita-cita dakwah di negara ini.

- (5) Dari sudut prestasi keluaran, kajian ini mendapati JAKIM adalah penerbit yang sederhana. Bermula dengan petunjuk prestasi yang perlahan, pengeluarannya semakin meningkat dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, dalam penerbitan buku, jika dilihat dari awal JAKIM beroperasi iaitu pada tahun 1968 sehingga ke tahun 1997, purata keluaran bukunya ialah 4.6 judul setahun. Mengikut ukuran pengkaji-pengkaji penerbitan

media cetak, mana-mana penerbit yang menerbitkan buku kurang daripada 10 judul setahun, ia tergolong sebagai penerbit kecil. Maka dalam hal ini didapati JAKIM berada pada kedudukan sebagai penerbit kecil. Tetapi jika dilihat kepada prestasi dalam tempoh masa sepuluh tahun ke belakang, iaitu sejak tahun 1988 hingga 1997, purata keluaran buku JAKIM telah meningkat kepada 10.6 judul setahun. Perkembangan tersebut telah meletakkan JAKIM terkeluar daripada kelompok penerbit kecil dan menunjukkan berlaku peningkatan.

Melihat kepada data-data pengeluaran keseluruhan jenis terbitan pula, sejak tahun 1968 sehingga tahun 1997, JAKIM didapati telah menerbitkan 138 judul buku jualan, 41 judul buku percuma, 30 keluaran jurnal, 200 keluaran majalah, 50 keluaran buletin, 318 judul risalah dan sejumlah terbitan rampaian. Dalam hubungan ini, jika dibandingkan dengan prestasi keluaran sebahagian penerbit lain, didapati prestasi keluaran JAKIM masih rendah, tetapi ada juga penerbit-penerbit lain yang berada di bawah kedudukan yang ditunjukkan oleh JAKIM.

- (6) Bagi memastikan terbitannya sampai kepada sasaran, JAKIM mengamalkan kaedah pemasaran yang lazim digunakan, iaitu melalui proses-proses keluaran (*product*), penentuan harga (*price*), saluran pengedaran (*physical distribution*) dan promosi (*promotion*). Bagi proses keluaran, JAKIM secara tetap menyusun rangka program penerbitannya dari setahun ke setahun melalui anggaran belanja mengurus tahunan seperti yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Bagi proses penentuan harga pula, semua harga terbitan jualan JAKIM iaitu buku dan jurnal ditentukan oleh

Kementerian Kewangan berdasarkan cadangan dan perakuan daripada JAKIM sendiri setelah mengambil kira kos yang terlibat.

Dalam urusan pengedaran, JAKIM mengamalkan beberapa kaedah pengedaran dalam usaha mengedarkan terbitannya kepada khalayak, iaitu melalui bentuk lazim dan juga bentuk tidak lazim. Melalui bentuk lazim, JAKIM menggunakan pemberong atau pengedar sebagai saluran pengedaran terbitannya, khususnya terbitan jualan untuk sampai kepada pengguna. Pada masa ini hanya satu kaedah jualan sahaja yang diamalkan oleh JAKIM iaitu jualan langsung secara tunai atau *cash and carry*. Sebelum ini JAKIM mengamalkan beberapa kaedah seperti perlantikan agen, sistem pengedar bercagar dan kaedah konsignasi, tetapi kaedah-kaedah tersebut tidak diamalkan lagi. Dalam amalan tidak lazim pula, JAKIM turut mengedar terbitannya sendiri melalui pameran dan jualan yang diadakan di tempat-tempat tertentu dan masa-masa tertentu, dan juga melalui kedai bukunya di Kompleks Pusat Islam, Jalan Perdana, Kuala Lumpur.

Bagi terbitan percuma pula kaedah-kaedah pengedaran yang digunakan ialah edaran melalui kedai buku JAKIM, penghantaran melalui kiriman pos, penghantaran ke tempat-tempat tertentu yang telah dikenal pasti seperti jabatan kerajaan, hospital, perpustakaan, sekolah, pusat-pusat pengajian, penghantaran ke rumah-rumah di sekitar Lembah Kelang dengan kerjasama Pos Malaysia, edaran melalui penceramah-penceramah JAKIM yang keluar berceramah di merata tempat di negara ini, edaran semasa ekspo jualan dan pameran buku yang diadakan di luar premisnya, dan penghantaran ke pejabat-pejabat kedutaan Malaysia dan jabatan penuntut Malaysia di luar

negara. Satu kaedah terkini yang turut diamalkan oleh JAKIM ialah penghantaran melalui internet. Kepelbagaiannya yang digunakan ini bertujuan supaya terbitan-terbitan JAKIM sama ada yang berjual atau percuma dapat sampai kepada sasaran pembaca dengan luas.

Dalam usaha promosi, JAKIM setakat ini melaksanakan beberapa langkah memperkenalkan terbitannya kepada khalayak, antaranya ialah menerbitkan katalog penerbitan, mengadakan pameran, memperkenalkan terbitannya melalui penceramah JAKIM, mengadakan pelancaran buku, memberi diskaun pembelian dengan kadar tertentu, mengiklan dalam media massa melalui ruangan ulasan buku, mengeluarkan brosur-brosur publisiti dan menyiaran iklan menerusi media terbitan JAKIM sendiri. Dalam hal pemberian diskaun pembelian, pada masa ini JAKIM memberikan potongan harga antara 10 peratus hingga 40 peratus berdasarkan amaun pembelian tertentu.

- (7) Dari segi sambutan masyarakat terhadap media cetak JAKIM, kajian ini mendapati permintaan masyarakat terhadap sebahagian terbitan JAKIM agak menggalakkan, terutamanya kitab-kitab tafsir dan hadith. Walau bagaimanapun sambutan terhadap sebahagian terbitan lain secara umumnya adalah perlahan sebagaimana iklim sambutan masyarakat terhadap media cetak di negara ini yang pada umumnya masih rendah.

Dalam kajian ini, beberapa petunjuk yang diperolehi dapat memberikan gambaran mengenai sambutan masyarakat terhadap terbitan-terbitan JAKIM. Satu aspek ialah dari segi pengeluaran naskhah. Secara

keseluruhannya terbitan yang dikeluarkan oleh JAKIM dianggarkan melebihi lima juta naskhah setahun, iaitu merangkumi terbitan berjual dan percuma. Selain itu aspek ulang cetak juga menunjukkan terbitan JAKIM ini sentiasa diminta oleh masyarakat. Umpamanya dalam kategori buku, terdapat beberapa judul yang diulang cetak berkali-kali, seperti kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an* versi Rumi telah diulang cetak sebanyak lapan kali manakala versi Jawinya diulang cetak sebanyak 13 kali. Setiap keluaran itu pula dicetak antara 10,000 hingga 25,000 naskhah. Bagi kategori risalah pula sehingga tahun 1997, JAKIM telah menerbitkan 318 judul dan setiap judul biasanya dicetak antara 5,000 hingga 30,000 naskhah. Ada antara judul-judul tersebut pula diulang cetak berkali-kali kerana permintaan yang tinggi oleh masyarakat. Dalam tahun 1997 sahaja misalnya, 10 judul risalah diulang cetak yang melibatkan kuantiti sebanyak 110,000 naskhah. Selain aspek kuantiti pengeluaran, aspek kutipan jualan juga boleh memperlihatkan sambutan masyarakat terhadap media cetak JAKIM. Sejak tahun 1985 hingga 1997, pendapatan daripada hasil kutipan terbitan jualan melebihi RM 6.8 juta dengan purata RM 524,323.61 setahun. Kutipan tertinggi ialah pada tahun 1997 iaitu RM 1,463,349.48.

- (8) Terdapat beberapa faktor yang membuatkan terbitan JAKIM mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat. Salah satu daripada faktor-faktor tersebut ialah dari segi autoritinya. Buku-buku teras seperti kitab tafsir dan hadith terbitan JAKIM telah dihasilkan oleh penulis yang mahir dan bersumberkan rujukan-rujukan yang muktabar. Penulisan tersebut kemudiannya dinilai dan disemak oleh tokoh-tokoh yang berwibawa.

Dengan demikian terbitan-terbitan berkenaan mempunyai kualiti dan autoriti dan telah dijadikan rujukan dan pembelajaran secara rasmi dalam kerajaan di samping digunakan secara meluas oleh segenap lapisan masyarakat.

Faktor lain ialah dari segi kandungannya. Daripada kajian yang dijalankan, didapati minat pembaca terhadap terbitan-terbitan JAKIM ialah kepada terbitan-terbitan yang berkaitan amalan dan panduan pengibadatan seharian. Mengikut dapatan daripada kajian ini, data-data jualan buku dari tahun 1994 hingga 1997 memperlihatkan buku-buku dalam bidang syariah yang kebanyakannya meliputi persoalan ibadat seharian paling banyak terjual, iaitu sebanyak 121,339 naskhah. Bidang-bidang lain yang mendapat permintaan tinggi selepasnya ialah kesusasteraan sebanyak 80,174 naskhah, bidang al-Qur'an dan tafsir sebanyak 52,455 naskhah, bidang al-sunnah/hadith sebanyak 47,444 naskhah dan bidang tasawuf dan akhlak sebanyak 11,033 naskhah. Buku-buku dalam bidang lain hanya mencatat jualan di bawah 10,000 naskhah.

- (9) Dalam menguruskan penerbitan media cetaknya, JAKIM berhadapan dengan pelbagai masalah dan halangan. Masalah-masalah tersebut dapat dikelompokkan kepada lima aspek besar, iaitu aspek-aspek pengeluaran, pengurusan, kewangan, persembahan isi dan bentuk fizikal dan pemasaran.

Menyentuh tentang prestasi pengeluaran terbitan JAKIM, ada tiga masalah yang dapat dikesan, iaitu pengeluaran yang rendah, pengeluaran yang tidak seimbang dari segi bidang dan bahasa, dan pengeluaran yang tidak tepat. Mengenai masalah pengeluaran yang rendah, prestasi JAKIM didapati

masih berada pada tahap belum memberangsangkan, kerana hasil keluarannya belum dapat menandingi kebanyakan penerbit media cetak dakwah yang ada di negara ini, walaupun pada masa yang sama kedudukan JAKIM nampak lebih baik daripada sesetengah penerbit lain. Dalam kajian ini juga didapati pengeluaran terbitan JAKIM tidak seimbang dari sudut bidang, terutamanya bagi buku-buku jualan. Terdapat juga bidang-bidang yang diperlukan oleh masyarakat tetapi belum diceburi oleh JAKIM umpamanya dakwah, motivasi, psikologi dan tamadun.

Dari sudut kepelbagaian bahasa pula, didapati JAKIM hanya memberikan tumpuan lebih kepada penerbitan dalam bahasa Melayu, berbanding pengeluaran dalam bahasa-bahasa lain. Berhubung dengan pengeluaran yang tidak tekal pula, didapati terbitan JAKIM tidak tekal dari segi kuantiti pengeluaran antara satu tahun dengan tahun yang lain, pengeluaran yang tidak sepenuhnya mengikut jadual bagi terbitan-terbitan berkala, dan tidak tekal dalam pengeluaran mengikut siri bagi terbitan-terbitan bersiri. Masalah-masalah yang wujud berhubung pengeluaran ini menunjukkan terdapat kelemahan-kelemahan dalam pengeluaran media cetak JAKIM.

Masalah kedua yang dihadapi oleh JAKIM dalam mengendalikan penerbitan media cetaknya ialah berkait dengan pengurusan, iaitu struktur organisasi penerbitan yang kurang sempurna, petugas penerbitan yang kurang mahir, dan pengenaan peraturan penerbitan yang tidak relevan. Dari sudut struktur organisasi, kajian ini mendapati Bahagian Penerbitan JAKIM tidak diwujudkan unit-unit khusus secara formal bagi menguruskan tugas-tugas pengeluaran, pengedaran, pengurusan dan editorial. Selain itu beberapa

jawatan penting seperti jurutrengkas, kerani stor, pegawai pengiklanan, pegawai promosi, pembaca pruf dan penterjemah tidak diwujudkan. Jawatan-jawatan yang sedia ada pula seperti editor dan penolong editor tidak mencukupi.

Dari sudut kemahiran pula, didapati para petugas penerbitan di Bahagian Penerbitan JAKIM masih kurang dari segi kemahiran dan pengalaman, disebabkan oleh kursus-kursus yang diadakan tidak mencukupi dan amalan pertukaran pegawai dalam organisasi JAKIM. Berkaitan pengenaan peraturan-peraturan yang tidak relevan pula, kuatkuasa Peraturan Perolehan Percetakan Kerajaan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 telah menyebabkan urusan penerbitan media cetak JAKIM tidak begitu lancar dan menimbulkan banyak masalah. Antara masalah yang timbul ialah kos cetak meningkat, dan kerja-kerja yang dihasilkan selalu tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan.

Masalah ketiga yang dihadapi JAKIM dalam aktiviti penerbitan media cetaknya ialah dari segi kewangan. Masalah-masalah yang berbangkit ialah peruntukan kewangan JAKIM selaku jabatan kerajaan selalunya ada batasan tertentu, dan kos pengeluaran yang meningkat apabila menguruskan percetakan dengan PNMB. Dengan demikian kuantiti dan kualiti setiap terbitan terpaksa disesuaikan mengikut kemampuan kewangan yang ada, dan usaha-usaha untuk membanyakkan bahan bacaan Islam bagi faedah orang ramai seperti yang dimaktubkan dalam objektif Bahagian Penerbitan JAKIM menjadi sukar untuk dicapai.

Aspek persempahan isi kandungan dan bentuk fizikal terbitan JAKIM juga didapati masih belum mencapai tahap kualiti yang boleh dibanggakan. Dari aspek isi kandungan, masalah ini antara lain disebabkan oleh tidak banyak manuskrip berkualiti yang diterima, dan kelemahan dari sudut kepengarangan, iaitu meliputi kerja-kerja penyemakan manuskrip dan penyuntingan. Masalah mengenai bentuk fizikal pula ialah berkait dengan kelemahan dalam penyediaan rekabentuk, penentuan saiz sesuatu terbitan yang masih tidak seragam bagi terbitan yang berjilid atau bersiri, dan pelaksanaan peraturan teknikal penerbitan yang masih belum mantap.

Masalah kelima dalam urusan penerbitan media cetak JAKIM ialah berkaitan pemasaran. Dalam kajian ini, didapati proses-proses pemasaran iaitu rancangan keluaran, penentuan harga, saluran pengedaran dan promosi ada masalah-masalah tertentu. Dari segi rancangan keluaran, JAKIM didapati masih mempunyai ruang untuk merencanakan judul-judul atau bidang-bidang terbitannya supaya lebih mendekati keperluan pembaca. Berkaitan penentuan harga, setakat ini sebahagian buku dan jurnal dijual kepada khalayak pada kadar harga yang rendah, dan sejumlah besar terbitan diedarkan secara percuma. Persoalan yang pernah ditimbulkan ialah mengenai tanggapan dan penilaian sebahagian masyarakat terhadap terbitan-terbitan tersebut. Bagi sebahagian masyarakat, terbitan berharga murah atau percuma dilihat sebagai kurang bernilai. Oleh itu JAKIM perlu menidakkan tanggapan ini dengan cara menghasilkan terbitan-terbitan yang berkualiti tinggi.

Dalam urusan pengedaran, pada masakini hanya satu kaedah sahaja yang digunakan oleh JAKIM bagi edaran terbitan jualannya, iaitu jualan langsung secara tunai atau *cash and carry*. Keadaan ini pada sesetengah pihak adalah menyukarkan, kerana bagi syarikat yang kecil, mereka lebih senang membeli secara kredit. Dalam hal ini JAKIM didapati tidak menyediakan banyak pilihan dalam kaedah pengedarannya supaya dengan itu akan membuka peluang kepada lebih banyak lagi syarikat pengedar membeli dan mengedarkan terbitan-terbitan JAKIM. Melalui kaedah jualan sendiri pula, masalah-masalah keterikatan dengan masa pejabat, kekurangan kakitangan untuk menjual di luar pejabat, kelemahan-kelemahan dalam mematuhi peraturan sistem kutipan hasil, dan jualan di luar pejabat yang sentiasa tidak menguntungkan merupakan masalah-masalah yang sering berlaku dalam urusan pemasaran terbitan JAKIM.

Dalam mengendalikan edaran terbitan percuma pula, wujud juga masalah yang menjadikan urusan ini kurang berkesan. Daripada kajian ini, dapat dikesan bahawa JAKIM memikul tanggungjawab ini secara bersendirian, kerana para pengedar setakat ini tidak langsung turut mengedarkan terbitan-terbitan percuma. Pihak-pihak lain yang kadang-kadang membantu mengedarkan terbitan percuma JAKIM setakat ini ialah YAPEIM dan Pos Malaysia sahaja, iaitu mengikut masa-masa tertentu dan jenis terbitan-terbitan tertentu. Selain itu terdapat juga inisiatif kakitangan JAKIM sendiri yang secara sukarela mengambil dan menyebarkan terbitan-terbitan tersebut. Dalam menguruskan edaran terbitan percuma ini, masalah-masalah lain yang dihadapi oleh JAKIM ialah kurang dari segi tenaga kerja dan kurang dari segi peruntukan kos penghantaran.

Dalam hal promosi pula, masalah-masalah yang telah dikenal pasti wujud dalam urusan pemasaran terbitan media cetak JAKIM ialah kurangnya promosi yang dilakukan. Usaha-usaha memperkenalkan terbitan JAKIM yang dilakukan ialah menerbitkan katalog penerbitan, menerbitkan brosur publisiti, mengadakan iklan melalui terbitan JAKIM, memperkenalkan produk JAKIM melalui penceramah-penceramah JAKIM, mengadakan pameran dan jualan melalui ekspo jualan buku dan memberikan kadar diskain tertentu kepada pembeli. Usaha-usaha ini didapati masih belum mencukupi. Antara halangan untuk melipat-gandakan promosi ini ialah kekurangan dari sudut sumber kewangan, tiadanya jawatan pegawai promosi, dan lokasi kedai buku yang tidak strategik. Faktor-faktor ini membuatkan urusan promosi tidak dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Sebagai kesimpulannya, dapatlah dirumuskan bahawa JAKIM mempunyai hasrat unggul dan murni untuk meluaskan sebaran dakwah kepada masyarakat di negara ini menerusi media cetak. Dalam mengejar cita-cita tersebut, telah banyak usaha dan tenaga dicurahkan, serta tidak sedikit wang dan masa yang digunakan sebagai memenuhi tanggungjawab beragama seperti yang dikehendaki dalam ajaran Islam. Semasa mengharungi medan yang luas dan mencabar ini, kajian ini mendapati wujud beberapa masalah yang menjadi penghalang kepada kelincinan dan keberkesanan pencapaian matlamat tersebut yang lahir daripada kelemahan-kelemahan JAKIM sendiri dan juga disebabkan oleh faktor-faktor luar yang mendatang. Oleh itu JAKIM wajarlah mengambil langkah mengatasi halangan-halangan tersebut dan melaksanakan pendekatan-pendekatan baru supaya usaha ini dapat diuruskan dengan sempurna, lebih meningkat dan berkesan.

## **5.2. Saranan**

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan ini, dan melihat kepada masalah-masalah yang dihadapi, maka dikemukakan beberapa saranan seperti berikut :

- (1) Kedudukan JAKIM selaku sebuah jabatan kerajaan yang bertanggungjawab mengenai Islam di peringkat pusat di negara ini telah memberi kelebihan kepadanya untuk berkeupayaan menjadi penerbit media cetak dakwah yang berjaya. Bagi menjelaskan potensi tersebut sebagai satu kenyataan, JAKIM sewajarnya mempunyai satu program penerbitan media cetak yang mantap bagi menyalurkan segala aspek bersangkutan ajaran Islam kepada masyarakat.
- (2) Untuk menjadi penerbit media cetak dakwah yang mantap dan berwibawa, JAKIM perlu menyediakan rancangan pengeluaran yang strategik, serta melaksanakan semua tugas pengeluaran dan pemasaran dengan penuh rasa tanggungjawab demi untuk menegakkan agama Islam yang suci. JAKIM juga perlu melengkapkan segala keperluan pengurusan penerbitannya, khususnya perkara-perkara yang berkait dengan struktur organisasi, kemahiran tenaga kerja serta sikap dan budaya kerja. Dari segi struktur organisasi, JAKIM wajarlah mewujudkan satu organisasi penerbitan yang lengkap dengan menyediakan unit-unit yang sesuai serta jawatan-jawatan yang diperlukan. Bagi menggerakkan kegiatan ini, tenaga kerjanya pula mestilah mencukupi dan mempunyai kemahiran tinggi yang dapat dilahirkan melalui kursus-kursus yang bersesuaian dan pendedahan yang luas. Untuk menjamin penghasilan kerja yang cekap dan berkesan, para petugasnya pula mestilah mengamalkan budaya kerja positif, dan berkeazaman tinggi demi

untuk menegakkan cita-cita dakwah seperti yang termaktub dalam objektif JAKIM dan objektif Bahagian Penerbitannya.

- (3) Sesuatu terbitan yang baik adalah berpunca daripada manuskrip yang berkualiti. Bagi mendapatkan manuskrip yang berkualiti, antara langkah yang boleh dilaksanakan oleh JAKIM ialah melalui kaedah tajaan. Melalui kaedah ini, JAKIM perlu menyebarkan maklumat tentang judul dan bidang yang hendak diterbitkan kepada pihak-pihak yang dikenal pasti boleh menghasilkan penulisan-penulisan tersebut, seperti pensyarah-pensyarah di pusat-pusat pengajian tinggi atau tokoh-tokoh individu yang berkemahiran. Bagi maksud ini, JAKIM hendaklah mengadakan hubungan dan kerjasama dengan mereka tersebut dan mengaturkan pertemuan-pertemuan bagi membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil.
- (4) Penerbitan media cetak untuk tujuan dakwah memerlukan peningkatan dari semasa ke semasa iaitu meliputi aspek-aspek kuantiti dan juga kualiti. Dari aspek kuantiti, antara langkah yang patut diambil ialah menambahkan keluaran karya-karya asli dan terjemahan serta menerbitkan jenis-jenis terbitan baru dengan mengambil kira kepelbagaiannya bidang dan bahasa bagi memenuhi keperluan segenap lapisan masyarakat, kaum dan bangsa di negara ini. Dari aspek kualiti, JAKIM hendaklah berusaha sedaya upaya meningkatkan kualiti persempahan isi dan juga bentuk fizikal media cetaknya supaya mesej dakwah dapat sampai kepada sasaran melalui teknik penyampaian yang menarik dan berkesan.

- (5) Daripada kajian ini didapati JAKIM menghadapi beberapa masalah dalam urusan pengeluaran penerbitan media cetaknya yang berpunca daripada kelemahan-kelemahan dalam pembentukan struktur organisasi, kemahiran petugas-petugasnya dan halangan-halangan daripada pengenaan peraturan-peraturan yang tidak relevan. Satu cara untuk mengatasi masalah ini, JAKIM dicadangkan supaya mengadakan kerjasama penerbitan dengan penerbit-penerbit lain, sama ada dari sektor kerajaan ataupun swasta. Kerjasama seperti ini akan menguntungkan kedua-dua pihak, iaitu dapat meningkatkan pengeluaran di samping dapat menjimatkan kos.
- (6) Agensi-agensi pusat yang mengawal urusan pentadbiran JAKIM, khususnya dalam perkara berkaitan penerbitan media cetak untuk tujuan dakwah ini, mereka perlulah rasional, toleran dan bersikap lentur (*flexible*) dalam mengenakan sesuatu peraturan. Pengenaan Peraturan Perolehan Percetakan Kerajaan kepada JAKIM melalui kuatkuasa Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 didapati telah menyekat kelincinan dan keberkesanan usaha dakwah melalui media cetak yang diusahakan oleh JAKIM. Oleh itu JAKIM perlu diberikan pengecualian daripada peraturan-peraturan tersebut demi untuk tujuan dakwah dan kepentingan Islam di negara ini.
- (7) Kewangan merupakan keperluan penting dalam kegiatan penerbitan media cetak. Bagi mencapai hasrat untuk membanyakkan bahan bacaan Islam kepada orang ramai, maka JAKIM perlu menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi membiayai kegiatan ini. Sehubungan ini

Kementerian Kewangan selaku pihak yang meluluskan peruntukan kewangan tahunan kepada JAKIM hendaklah diberi kefahaman yang jelas tentang keperluan kewangan bagi membiayai kegiatan dakwah melalui media cetak ini. Di samping itu, bersesuaian dengan matlamat untuk menyemarakkan dakwah melalui media cetak, JAKIM hendaklah menubuhkan tabung kumpulan dana penerbitan buku-buku Islam seperti yang diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Selain itu JAKIM juga wajar mencari jalan mendapatkan kewangan daripada sumber-sumber lain, umpamanya melalui pengiklanan seperti yang lazim diamalkan oleh penerbit-penerbit media cetak.

- (8) Matlamat dakwah melalui media cetak yang merupakan salah satu aktiviti JAKIM ini tidak akan memberi sebarang makna sekiranya terbitan-terbitan yang dihasilkan tidak sampai kepada masyarakat. Maka di sini letaknya peranan bidang pemasaran yang sewajarnya diberi perhatian penting oleh JAKIM. Penemuan daripada kajian ini yang mendapati bahawa urusan pemasaran terbitan JAKIM masih ada kelemahan dan kekurangan, terutamanya dalam urusan pengedaran dan promosi. Oleh itu JAKIM perlu berusaha mengatasi kelemahan-kelemahan yang wujud tersebut serta bersedia melaksanakan usaha-usaha tambahan supaya semua terbitan JAKIM dapat sampai kepada masyarakat dengan lebih luas.
- (9) Memandangkan JAKIM mempunyai matlamat yang begitu tinggi dan murni berhubung dengan aktiviti penerbitan media cetak yang dijalankan, dan

masalah-masalah yang dihadapinya pula adalah banyak, maka JAKIM wajar mempunyai iltizam yang tinggi untuk berusaha sedaya upaya mengatasi masalah-masalah tersebut. Di samping cadangan-cadangan bagi mengatasi masalah-masalah berkenaan dan syor-syor ke arah peningkatan aktiviti yang dijalankan ini seperti yang disarankan sebelum ini, JAKIM juga disaran supaya menswastakan sebahagian urusan tersebut, iaitu aktiviti penerbitan dan pemasaran terbitan jualan. Bagi melaksanakan cadangan ini, JAKIM perlu mengadakan perbincangan dan kajian lanjut secara lebih mendalam untuk mengenal pasti kaedah penswastaan yang boleh dijalankan dan cara-cara pelaksanaannya.

Jika cadangan ini dilaksanakan, antara perkara yang perlu diberi perhatian ialah, JAKIM perlu berhak atau bertanggungjawab terhadap beberapa perkara seperti dasar penerbitan, hak cipta, kawalan mutu, dan penentuan harga. Pihak kerajaan juga (melalui JAKIM) hendaklah diberi sebahagian keuntungan hasil daripada penswastaan ini mengikut perjanjian yang disepakati bersama sebagai pulangan kepada kerajaan yang menawarkan aktiviti tersebut. Kebaikan yang diperolehi daripada penswastaan aktiviti penerbitan media cetak dakwah ini, antara lain ialah dapat mengurangkan beban kewangan kerajaan, meninggikan kecekapan dan penghasilan kerja, dan mempercepatkan pencapaian matlamat dakwah dan pembangunan ummah di negara ini. Secara tidak langsung, matlamat JAKIM dan matlamat Bahagian Penerbitannya akan dapat dicapai dengan lebih cekap dan berkesan.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan terhadap penerbitan media cetak JAKIM ini, penemuan yang diperolehi menunjukkan JAKIM telah menghasilkan satu usaha dan sumbangan penting dalam perkembangan dakwah di negara ini. Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan masalah, usaha tersebut wajar diteruskan demi melaksanakan suruhan Islam yang suci. Oleh itu saranan-saranan yang dikemukakan dalam kajian ini diharap akan memberi manfaat kepada JAKIM khususnya, dan kepada semua pihak yang melibatkan diri dalam bidang ini umumnya, ke arah meningkatkan lagi kegiatan dakwah melalui media cetak ini.

Segala yang baik itu datang daripada Allah (s.w.t.), manakala segala yang kurang pula adalah berpunca daripada kelemahan diri penulis sendiri. Allah (s.w.t.) sahaja yang lebih mengetahui, dan hanya Dia sebaik-baik tempat menyerahkan diri.